

D.R. 17/2007

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk memansuhkan Ordinan Pendaftaran Sewa Beli (Bab 71).

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pendaftaran Sewa Beli (Sarawak) (Pemansuhan) 2007.

Pemansuhan Ordinan

2. Ordinan Pendaftaran Sewa Beli (Bab 71), yang disebut "Ordinan" dalam Akta ini, dimansuhkan.

Kecualian dan peraiihan

3. (1) Pemansuhan Ordinan di bawah seksyen 2 tidak menjejaskan apa-apa dokumen atau surat cara sewa beli yang telah disempurnakan sebelum tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini.

Rang Undang-Undang

(2) Jika suatu permohonan untuk pendaftaran apa-apa dokumen atau surat cara sewa beli telah dibuat dan proses pendaftarannya belum selesai sebaik sebelum Ordinan dimansuhkan, prosiding berkenaan dengan permohonan tersebut boleh diteruskan di bawah Ordinan yang dimansuhkan itu.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), apa-apa fi yang telah dibayar untuk pendaftaran apa-apa dokumen atau surat cara sewa beli, tidak boleh dibayar balik.

(4) Bagi maksud subseksyen 10(2), seksyen 11 dan 12 Ordinan, apabila Ordinan dimansuhkan di bawah seksyen 2, Pendaftar hendaklah, tertakluk kepada peruntukan Ordinan Pustaka Negeri Sarawak 1999 (Bab 29), memegang simpan suatu salinan dokumen atau surat cara sewa beli berdaftar dan dalam masa enam bulan dari tarikh pemansuhan itu mengemukakan dokumen itu kepada Pemegang Simpanan Negeri yang ditubuhkan di bawah Bahagian IV Bab 29.

—
HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan memansuhkan Ordinan Pendaftaran Sewa Beli (Bab 71), yang diperbuat pada tahun 1934 dan yang terpakai bagi Negeri Sarawak sahaja. Dengan berkuat kuasanya Akta Sewa-Beli 1967 (Akta 212) di seluruh Malaysia, termasuk Sarawak, pada 11 April 1968, Ordinan itu dianggap lapuk dan sudah tidak diperlukan lagi.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk memansuhkan Ordinan.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian dan peralihan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)1990]